




IQRA'

Bil. 1/2024
JANUARI

SIDANG REDAKSI



PENASIHAT
Ts. Hj. Azizi Bin Hj Jantan



EDITOR
Pn. Shahidatul Akhmam Rambeli



PENYELARAS
Pn. Asmah binti Sabtu



REKA BENTUK GRAFIK
En. Muhammad Hazhar B Abd Aziz

- Shah Alam : Asmah Sabtu, Norazlin Mohd. Yusof, Nor Hafizah Md. Hanafiah,
Rizana Mohd Radwan, Hanani Rojikin
- Melaka : Hazlin Ibrahim Khan, Siti Haidah Md Aziz, Ilya Nur Fateen Othman
- Perlis : Khairil Izwan Hasan
- Sabah : Marlia Yuming, Alfera Zurhain Sairin
- Kedah : Mohd Amiruddin Mohd Nasir
- Pulau Pinang : Nor Azilawati Mohamad Azmi, Nurhayati Hassan
- Kelantan : Norfitriah Mat Seman, Rosmariyati Ab Rahman
- Perak : Muhamad Azim A'nsori, Nur Dayana Mohd Narwawi
- Sarawak : Hapsah Suut, Dyg Azimah Abg Yusof, Normah Saadie
- Pahang : Muniratul Husna Mohamad Zaki, Mohd Anwar Hassim
- Terengganu : Mohd Shahnizam Mat Zain, Asmahani Abdullah, Nurmaisari Che Anuar
- Johor : Siti Rozana Mat Sanat, Nor Azelea Mohd Azahar
- N. Sembilan : Syaiful Hisyam Saleh, Mohd Hafiz Kasirun, Muhammad Syafiq Amirullah
- Selangor : Hafiza Mustape, Nur Fatimah Muhamad, Fatin Hanisah Ahmmad Rofee,
Wan Rohani Wan Chin, Norliza Othman, Adil Azri Mohamad, Suzana Ishak,
Nurkhairunisa Jaafar

KEKERAPAN KELUARAN: 12 KELUARAN SETIAP TAHUN

PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

PROJEK PERINTIS: PEMBERIAN ANAK NANAS

JANUARI 6, 2024



6 Januari 2024: Telah berlangsung program PROJEK PERINTIS: PEMBERIAN ANAK NANAS di ruang Library Community Engagement PTAR aras 12 UITM Kampus Bandaraya Melaka. Seramai 50 orang peserta telah menyertai program ini. Selain menyertai seminar, kesemua peserta juga berpeluang mendapatkan 5 anak pokok nenas berserta dengan satu kit penjagaan secara percuma sebagai usaha memantapkan lagi penyelidikan dan industri pertanian nenas di Malaysia.



LAWATAN DARIPADA PELAJAR FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN, UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS ALOR GAJAH KE UNIT ARKIB, PTAR UITM CAWANGAN MELAKA

JANUARI 9, 2024



9 Januari 2024, Selasa – Unit Arkib, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka telah menerima lawatan daripada Pelajar Fakulti Pengurusan dan Perniagaan. Seramai 4 orang pelajar daripada Fakulti Pengurusan Perniagaan telah datang membuat lawatan ke Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka. Lawatan berpandu ini disampaikan oleh Encik Kamalulamin bin Amat, Pembantu Pustakawan Kanan dan dibantu oleh Cik Ilya Nur Fateen binti Othman, Pustakawan. Pihak Unit Arkib amat mengalu-alukan kehadiran ke semua pelajar Fakulti Pengurusan dan Perniagaan ke Unit Arkib, PTAR UiTM Cawangan Melaka iaitu:

1. Nureen Qistina binti Hairuzaman
2. Nur Aleya Rihanna
3. Nurfarahin binti Osman
4. Ummu Alyaa Qurratu Aini

Semoga melalui lawatan seperti ini ianya dapat mempromosikan perkhidmatan Unit Arkib dalam menyokong usaha-usaha memberi kesedaran kepada semua Warga UiTM mengenai kepentingan Pengurusan Rekod Universiti yang mesti diketahui oleh semua warga UiTM.



PROGRAM BEDAH BUKU BERSAMA PENULIS UITM CAWANGAN TERENGGANU JANUARI 10, 2024



Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UITMCT) Kampus Dungun telah mengadakan Program Bedah Buku bersama Penulis UITMCT pada 10 Januari 2024, Rabu yang lalu. Penulis jempuran bagi program ini ialah Dr. Abdul Wahab Md Ali, Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UITMCT. Beliau merupakan penulis bagi buku yang bertajuk "Sekati Gandum Secubit Garam" terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd. dan buku ini baharu sahaja diterbitkan di pasaran pada Disember 2023.

Bertempat di Sudut AZKA @ Library Community Engagement (LCE), program ini dilaksanakan secara bersemuka dan juga disiarkan secara langsung di platform Facebook Perpustakaan Cendekiawan selama satu jam bermula jam 11.00 pagi. Ianya dikendalikan oleh En. Ahmad Fathi bin Azhari Azmi, Pembantu Pustakawan, selaku Moderator, manakala perincian bedah buku pilihan telah disampaikan oleh Dr. Abd. Wahab bin Md. Ali yang juga dikenali dengan nama pena Abd. Wahab Paloh Nyior.

Objektif utama program ini ialah untuk mempromosi karya tulisan warga UITMCT di samping menggalakkan budaya membaca di kalangan masyarakat melalui platform perkongsian ilmu. Interaksi antara dua hala penulis dan pembaca secara tidak langsung memberi peluang kepada penulis di kampus untuk mengetahui cara mengenal pasti kekuatan penulisan. Program ini juga menggalakkan warga kampus untuk menghasilkan karya kreatif tulisan sendiri dengan mengetahui kaedah dan selok-belok penulisan hingga ianya diterbitkan.



PROGRAM MISI AKADEMIK UITMCT: LAWATAN KE PERPUSTAKAAN DARI KOLEJ VOKASIONAL BESUT, TERENGGANU JANUARI 10, 2024



Pada 10 Januari 2024, Rabu yang lalu, Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) Kampus Dungun telah menerima kunjungan lawatan Program Misi Akademik ke UiTMCT dari Kolej Vokasional Besut, Terengganu. Delegasi lawatan seramai 27 orang pelajar bersama 5 orang tenaga pengajar ini mengadakan kunjungan ke sekitar kampus UiTMCT bagi memberi pendedahan tentang kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan terutamanya dalam bidang hotel dan pelancongan. Lawatan ini dikendalikan oleh Pensyarah Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP).

Bagi sesi lawatan ke perpustakaan, penerangan telah diberikan oleh Cik Asmahani Abdullah, Pustakawan Kanan, mengenai sumber rujukan dan koleksi perpustakaan yang ditawarkan bagi menyokong pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan inovasi bidang berkaitan. Delegasi lawatan juga telah dibawa melawat ke sekitar perpustakaan bagi melihat dan merasai sendiri suasana di perpustakaan universiti.

Pihak perpustakaan sentiasa mengalu-alukan kedatangan semua warga universiti dan komuniti bagi mengimarahkan perpustakaan UiTMCT untuk tujuan perkembangan ilmu. Diharapkan segala perkongsian yang diberikan dapat memberi manfaat kepada semua. InsyaAllah.



PROGRAM BEDAH BUKU

JANUARI 14, 2024

Universiti
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tengku Anis
Universiti Teknologi
MARA, Kampus Kota Bharu

Jam santai
PROGRAM
BEDAH BUKU

Terbuka kepada Siswa/Siswi &
Staf Akademik/Pentadbiran

Hadiah menarik disediakan

Buku baru disediakan

Sebarkan Pantyasan

Like and follow us:

PROGRAM BEDAH BUKU bertempat di PTA Kampus Kota Bharu yang telah disertai oleh
NURUL LIYANA NURULHUDA

KERANI KANAN, UNIT HAL EHWAL AKADEMIK

Program Bedah Buku anjuran Perpustakaan Tengku Anis, Kampus Kota Bharu bertujuan menggalakkan staf untuk membaca serta berkongsi ilmu tentang buku yang dipinjam di perpustakaan sama ada dari sudut fiksyen dan bukan fiksyen. Ianya juga secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi pinjaman bahan di perpustakaan Tengku Anis, Kampus Kota Bharu selain dapat berkongsi ilmu serta pandangan.

UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

111 Resipi
HERBA
dengan Resepsi
Chef Hameliza

BEDAH BUKU:
111 RESIPI HERBA
AROMA ISTIMEWA

NURUL LIYANA NURULHUDA

PERPUSTAKAAN TENGKU ANIS
UTM KAMPUS KOTA BHARU

CAREER ODYSSEY MELAKA FEST @ MYFUTUREJOBS 2024

JANUARI 13 & 14, 2024



Telah berlangsung Program Career Odyssey Melaka Fest @ Myfuturejobs 2024 pada 13 & 14 Januari lalu. Program ini merupakan hasil kerjasama antara UiTM Cawangan Melaka, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Sumber Manusia, dan PERKESO bagi membantu golongan muda terutamanya graduan yang masih mencari pekerjaan. "Tahun baru, azam baru, semangat baru! Kerja mana lagi? Kerja dekat Melaka lerrr.."



SIMPOSIUM MEMPERINGATI A. SAMAD ISMAIL

JANUARI 15, 2024



Simposium Memperingati A. Samad Ismail telah diadakan pada:

Tarikh: 15 Januari 2024 (Isnin)

Masa: 8:30 pagi hingga 5:30 petang

Tempat: Library Community Engagement (LCE), Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)

Simposium bagi memperingati tokoh wartawan negara telah dirasmikan oleh Tun Musa Hitam, bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Hadir bersama Ketua Timbalan Pustakawan dan Menjalankan Tugas Ketua Pustakawan Tuan Ts. Haji Azizi bin Haji Jantan.

Anjuran Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media bersama Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (ISTAC-IIUM), New Straits Time Press (Malaysia) Bhd., PTAR dan Press Forum Asia (PFA), simposium ini telah mengundang tokoh-tokoh kewartawanan dan media arus perdana berikut bagi mengisahkan kembali pengalaman bersama tokoh tersohor.



PAMERAN CERITA ARCA DI PTAR

JANUARI 16, 2024



Pameran Cerita Arca sedang berlangsung di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) pada:

Tarikh: 16 – 19 Januari 2024 (Selasa – Jumaat)

Masa: 9:00 pagi – 4:00 petang

Tempat: Ruang Bicara dan Ruang Legar PTAR

Manakala majlis perasmian Pameran Cerita Arca telah disempurnakan oleh Profesor Madya Ramlan Abdullah pada 17 Januari 2024 (Rabu) bertempat di hadapan Ruang Bicara. Hadir bersama Puan Hani Liza bin Norfin, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, PTAR.

Pameran ini anjuran Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) dengan kerjasama PTAR.

Pada 12 hingga 14 Julai 2023, KPSK telah mengadakan pameran Dokumentasi Art & Heritage Exploration Terengganu: Kairosclerosis yang berlangsung di ruang Galeri PTAR.



RESONANCE OF LIBERATION : SAVE PALESTINE

JANUARI 17, 2024



17 Januari 2024 – “From the river to the sea, Palestine will be free” ... Terpanggil dengan isu semasa yang sedang berlaku pada masa kini dan sebagai menyokong kempen “Save Palestine”, PTAR UITM Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh telah bekerjasama dengan Akademi Pengajian Bahasa UITM Cawangan Pulau Pinang bagi menganjurkan sesi mendeklamasi sajak. Ianya dilaksanakan di Ruang Library Community Engagement (LCE), PTAR Kampus Permatang Pauh.

Seramai 17 orang pelajar Pengajian Kejuruteraan Elektrik telah mengambil bahagian di dalam sesi mendeklamasi sajak yang berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi. Cik Marni Jamil, pensyarah Akademi Pengajian Bahasa selaku penaung program menyatakan objektif program ini merupakan tanda sokongan kepada kempen “Save Palestine” selain menyediakan platform untuk pelajar mengasah bakat “public speaking” mereka.

Turun hadir memeriahkan sesi mendeklamasi sajak ini ialah Timbalan Ketua Pustakawan, Tuan Haji Faizar bin Jaafar, Puan Noraziah Mohd Amin, Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Bahasa serta pelajar-pelajar dari Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan UITM Cawangan Pulau Pinang.



Para peserta Program Resonance of Liberation : Save Palestine bersama Cik Marni Jamil.



Para peserta Program Resonance of Liberation : Save Palestine sedang mendeklamasi sajak.

BOOKMAZE

JANUARI 18, 2024



18 Januari 2024 | Khamis – Program "BOOKMAZE" di PTAR Jasin.

PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menganjurkan program "BOOKMAZE" yang berkonsepkan explorace bagi menguji kemahiran para pelajar dalam menggunakan

kemudahan digital yang disediakan di perpustakaan seperti OPAC dan Online Database

Pelbagai aktiviti menguji minda dan menyeronokkan

Pelbagai hadiah menarik disediakan

Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua peserta!



LAWATAN PENANDAARASAN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR) UTM CAWANGAN PERAK KE INFORMATION RESOURCE CENTER (IRC) UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS (UTP)

JANUARI 19, 2024



17 JANUARI 2024 : Perpustakaan Tun Abdul Razak Uitm Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar telah mengadakan lawatan penandaarasan ke Information Resource Center (IRC) Universiti Teknologi Petronas (UTP). Lawatan ini diketuai oleh Puan Siti Basriyah binti Shaik Baharudin, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan bersama 16 orang staf serta 5 orang pelajar latihan industri.

Kehadiran kami telah disambut dan diberi taklimat oleh Puan Kamaliah Mohd, Pengurus IRC UTP, Puan Siti Nurbaya binti Abd Karim, Pegawai Eksekutif Kanan IRC UTP dan Encik Helmi Iskandar bin Suito, Pegawai Eksekutif Kanan IRC UTP. Lawatan ini bertujuan untuk mempelajari, mengubahsuai dan melaksanakan amalan yang terbaik di dalam organisasi tersebut, disamping untuk merasai sendiri pengalaman menggunakan 'Virtual Reality' yang telah diperkenalkan oleh pihak IRC (UTP) kepada pelanggan. Lawatan ini diakhiri dengan sesi bertukar cenderamata dan bergambar.



PROGRAM SEHARI BERSAMA ALUMNI TEKNOLOGI PEMBINAAN

JANUARI 19, 2024



19 Januari 2024 : Kolej Pengajian Alam Bina (KAB) dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar telah menganjurkan Program Sehari bersama Alumni Teknologi Pembinaan. Program telah berlangsung di ruang Library Community Engagement Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar.

Program ini dianjurkan oleh Prof. Madya Ts Dr. Siti Akhtar Mahayuddin, Penyelaras Program (AP265). Seramai 52 orang pelajar telah terlibat pada program ini. Aktiviti program ini adalah pembentangan idea projek pelajar yang mendaftar kursus DCT614 (Projek Inovasi 1), disamping sesi perkongsian ilmu dan pengalaman dari Alumni Teknologi Pembinaan tentang dunia pekerjaan di bidang teknologi pembinaan.



ALUMNI TEKNOLOGI PEMBINAAN
SEHARI BERSAMA ALUMNI TEKNOLOGI PEMBINAAN

19 JAN 2024 8.30 - 5.00
BERKESANAN KE PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK KAMPUS SERI ISKANDAR

AKTIVITI

PANEL 1	2024 PIRAC	2024 PETIRIK
MAD ZAHEDI MAMU ZAHEDI MAMU ZAHEDI MAMU ZAHEDI	2024 PIRAC 2024 PIRAC 2024 PIRAC 2024 PIRAC	2024 PETIRIK 2024 PETIRIK 2024 PETIRIK 2024 PETIRIK

KEPERKONGSIAN ALUMNI TEKNOLOGI PEMBINAAN



LAWATAN KERJA PTAR UNDANG-UNDANG (PUU), UiTM SHAH ALAM KE PERPUSTAKAAN KEHAKIMAN MALAYSIA, ISTANA KEHAKIMAN PUTRAJAYA

JANUARI 23, 2024



23 Januari 2024 : Seramai 9 orang staf PTAR Undang-Undang, UiTM Shah Alam telah mengadakan lawatan kerja ke perpustakaan khusus iaitu Perpustakaan Kehakiman Malaysia, Istana Kehakiman, Putrajaya.

Objektif lawatan ini adalah untuk melihat amalan terbaik cara pengurusan koleksi bahan-bahan rujukan undang-undang negara yang sentiasa aktif dirujuk serta menambahkan pemahaman berkaitan tatacara penggunaan sumber bahan yang dikendalikan oleh kedua-dua perpustakaan disamping membuat sedikit perbincangan mengenai aktiviti yang boleh memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak melalui jalinan kolaborasi antara perpustakaan.

Delegasi PTAR Undang-Undang diketuai oleh Puan Hanani Binti Rojikin, Ketua Perpustakaan Fakulti, PTAR Undang-Undang bersama-sama 2 orang Pembantu Pustakawan Tertinggi dan 6 orang Pembantu Pustakawan Kanan. Seawal jam 10.00 pagi lawatan telah dimulakan dengan kunjungan ke Perpustakaan Kehakiman Malaysia, Istana Kehakiman dengan kedatangan disambut oleh Pn. Shazlin Azni, (Ketua Pustakawan), Pn. Manorrazila (Pustakawan Kanan), En. Mohd Fathi Asmawi (Penolong Pustakawan) dan staf perpustakaan yang lain. Delegasi lawatan telah diberikan penerangan berkaitan operasi perkhidmatan dan koleksi rujukan oleh En. Mohd Fathi Asmawi. Di dalam lawatan ini juga, delegasi telah diperlihatkan sumber bahan undang-undang yang sering dirujuk oleh Yang Amat Arif dan Yang Arif Hakim-Hakim, proses pendigitan bahan-bahan lama dan penerangan ringkas bagaimana pindaan akta dilaksanakan. Sebelum mengakhiri lawatan, delegasi telah dibawa ke Muzium Kehakiman serta berpeluang memasuki salah satu ruang Kamar Mahkamah Rayuan yang terdapat di bangunan tersebut.

PROGRAM 1 STAF 1 BUKU PTAR TAPAH
BULAN JANUARI 2024

JANUARI 24, 2024



24 Januari 2024 – Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Perak Kampus Tapah telah mengadakan program Read@UITM "1 Staf 1 Buku" bagi bulan Januari 2024. Seramai 10 orang staf, pegawai dan pelajar latihan industri telah terlibat dalam menjayakan program ini.

Inisiatif pelaksanaan program seperti ini adalah bertujuan untuk memperkasakan budaya membaca dalam kalangan staf yang berkhidmat di Institut Pengajian Tinggi khususnya staf di UITM.



LIBRARY STREET SERIES 1/2024

JANUARI 24, 2024



24 Januari 2024 (Rabu) – Sebagai pembuka tirai tahun 2024, Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit BESI telah menganjurkan Program "Library Street Series 1/2024" bertempat di Medan Selera, Kolej Kediaman UiTMCT Kampus Bukit BESI. Program yang dianjurkan dengan kerjasama Perpustakaan Desa Bukit BESI ini mensasarkan pengunjung medan selera yang terdiri daripada para pelajar dan staf UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit BESI.

Kolaborasi yang julung-julung kali diadakan ini adalah bertujuan untuk berkongsi sumber bahan bacaan selain berkongsi matlamat dan tujuan yang sama dalam melahirkan masyarakat membaca.

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk menyokong kempen membaca di kalangan warga UiTM selain menerapkan budaya ilmu di kalangan warga sesuai dengan tagline baharu Perpustakaan UiTM iaitu "Pembudayaan Ilmu Membentuk Adiwangsa".



LAWATAN KERJA PTAR UNDANG-UNDANG (PUU), UITM SHAH ALAM
KE PERPUSTAKAAN ABU YUSUF YAKUB AL-KHINDI JABATAN
PEGUAM NEGARA, PUTRAJAYA

JANUARI 29, 2024



23 Januari 2024 : Selesai lawatan kerja PTAR Undang-Undang pada sebelah pagi Selasa 23 Januari 2024, delegasi PTAR Undang-Undang seramai 9 orang telah meneruskan lawatan kerja ke Perpustakaan Abu Yusuf Yakub Al-Khindi, Jabatan Peguam Negara di sebelah petangnya.

Delegasi telah disambut oleh Encik Mohd Haris bin Kasim, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan, AGC, Encik Mohammad Zaki, Pustakawan Kanan dan staf-staf perpustakaan. Para delegasi telah diberikan penerangan berkaitan perkhidmatan dan koleksi-koleksi undang-undang yang terdapat di perpustakaan. Di antara koleksi bernilai tinggi adalah buku deraf cadangan Perlembagaan Persekutuan Untuk Tanah Melayu 1946, Buku Pindaan Kanun Keseksaan (Penal Code) 1935 Persekutuan Tanah Melayu, Laporan Undang-Undang, Black Book dan sebagainya.

Sepanjang lawatan ini berlangsung, delegasi telah dibawa ke sekitar perpustakaan, ruang speaker's corner dan berpeluang mempelajari secara dekat bagaimana proses kemas kini pindaan akta dibuat oleh 2 orang pembantu pustakawan. Semoga lawatan ini dapat memberikan manfaat dan nilai perkongsian ilmu kepada kedua belah pihak dan secara tidak langsung membuka ruang kolaborasi yang produktif di masa akan datang. Sesungguhnya kesedaran memahami ilmu undang-undang ini menunjukkan betapa pentingnya tugas menjaga dan memulihara sumber khazanah negara yang menjadi kekuatan prinsip Rukun Negara ketiga dan keempat : Keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-Undang.

PROGRAM PROFESSIONAL COMMUNICATION EXERCISE: INDUSTRY ON CAMPUS SYMPOSIUM (PICASO)

JANUARI 30, 2024



30 Januari 2024, Selasa – Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Melaka bersama rakan kerjasama strategik Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah telah menganjurkan Program Professional Communication Exercise: Industry On Campus Symposium (PiCaSo) 3.0 2024. Program ini merupakan pembentangan poster secara fizikal bagi projek pelajar semester 5, program Diploma in English for Professional Communication (LG120) bagi subjek Professional Communication Exercise (ELS304) dengan penglibatan pihak industri. Program dijalankan di Ruang Library Community Engagement (LCE), PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah, bermula 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Program telah diketuai oleh Dr. Ameiruel Azwan bin Ab Aziz, Pensyarah Kanan, UiTM Cawangan Melaka bersama Ahli Jawatankuasa dari Akademi Pengajian Bahasa dan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR). Manakala, panel industri terdiri daripada Dr. Wan Farah Wani Wan Fakhruddin, Pensyarah Kanan, Universiti Teknologi Malaysia, Puan Nik Rahila Wan Ibrahim, Pensyarah Kanan, Universiti Teknikal Malaysia, Melaka, Puan Nazatul Melissa Othman, Head of Translation And Book Services Division, Malaysian Institute of Translation and Books (ITBM) dan Encik Izzul Naim, Pengarah Pengurusan, NL Studio.

Program yang melibatkan sebanyak 42 pembentangan poster oleh pelajar telah disempurnakan oleh Puan Siti Zuraina Binti Gafar @ Abd Ghaffar, Penyelaras Diploma in English for Professional Communication (LG120), Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Melaka beserta sesi perkongsian dari panel industri yang hadir di akhir sesi. Setinggi tahniah kepada semua pembentang dan Ahli Jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan program.

BENKEL PELAN TINDAKAN BENCANA REKOD (PTBR) UiTM CAWANGAN MELAKA KAMPUS ALOR GAJAH

JANUARI 29 & 30, 2024



29 - 30 Januari 2024, (Isnin - Selasa) - PTAR UiTM Cawangan Melaka telah mengadakan Bengkel Pelan Tindakan Bencana Rekod (PTBR) UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Bengkel ini telah dianjurkan oleh Unit Arkib, PTAR UiTM Cawangan Melaka dan merupakan siri yang pertama dijalankan pada tahun 2024. Bengkel PTBR ini akan di adakan di setiap kampus yang ada di UiTM Cawangan Melaka iaitu Alor Gajah, Bandaraya dan Jasin.



BENKEL PELAN TINDAKAN BENCANA REKOD (PTBR) UiTM CAWANGAN MELAKA

Tarikh : 29-30 Januari 2024
Masa : 8.00 pagi - 5.00 petang
Tempat : Unit Arkib
PTAR UiTM Cawangan Melaka
Kampus Alor Gajah



BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my